UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UTeM

# BULETIN HEPA

BILANGAN 1/2012
PEJABAT EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

## MENARIK DI DALAM :

Siapa Rakan Siswa?

Aktiviti PELAJAR





UTeM Terus Menjadi Tumpuan Lawatan

EKSKLUSIF : Bual Bicara Bersama DR. NOR RAFFIDAH

LB
3602
.B84
2012
a
v1

LB3602 .B84 2012 v1
87515889

# Isi Kandungan


| Tajuk | Muka Surat |
|---|---|
| Bual Bicara Bersama Pegawai Perubatan Klinik Pelajar UTeM | 2 |
| Salam HEPA | 4 |
| Rakan Siswa | 6 |
| Berita HEPA | 7 |
| SPOT ME | 11 |
| Aktiviti Kelab Usrati | 15 |
| Aktiviti Pelajar | 18 |
| Keratan Akhbar | 33 |





# Khabar Bicara TOR

**ASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM 1 MALAYSIA.**



Alhamdulillah kepadanya yang telah mengizinkan terbitan buletin pada kali ini dapat merealisasikan penerbitannya walaupun dalam kesibukan tugasan harian. Komitmen daripada editor dan wartawan amat saya hargai, Terima kasih diucapkan. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan SELAMAT DATANG KEPADA PELAJAR BARU DIPLOMA yang akan melaporkan diri ke UTeM pada 3 Jun 2012 nanti. Selamat menempuh hidup baru di kampus dan pastinya anda tidak keseorangan.

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## SIDANG REDAKSI

**Penaung:**
Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman

**Penasihat:**
Encik Zainudin bin Ahmad

**Ketua Editor:**
Tuan Hj. Razali bin Abdol Jalil

**Penolong Ketua Editor:**
Encik Ruzaiman bin Abdul Rahman

**Pengarang:**
Puan Noornahar bt. Hj. Akashah
Dr. Muhamad Takrimi bin Shahabudin
Encik Khairul Niza bin Yahya
Encik Mohd. Yaszli bin Mohamed Rahis
Encik Zulkifli bin Ishak
Encik Zainuddin bin Ahmad
Puan Syahira bt. Mohd. Adnan
Encik Amir bin Ali
Puan Rafidah bt. Mohd. Dusa
Puan Hadibah bt. Tahir
Puan Musliha bt. Yusoff

**Pembaca Pruf:**
Puan Mazne bt. Ja'afar

**Wartawan:**
Cik Netty Muhaliza bt. Mohd. Fadzil

**Edaran:**
Encik Muhammad Akmal bin Mad Yatim

PERPUSTAKAAN
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
No. Kawalan 0000040330
No. Panggilan LB 3602 .B84
Tarikh 31 JUL 2012

*Bual Bicara Bersama*

# Pegawai Perubatan Klinik Pelajar UTeM

## DR. NOR RAFFIDAH BT. HARON

Dilahirkan pada tanggal 13 Januari 1973 dan merupakan anak jati Batu Pahat, Johor Bahru. Menerima Ijazah sarjana Muda Perubatan di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 1998. Selepas menjalani latihan sebagai doktor pelatih di Hospital Alor Setar, Kedah pada 1999 beliau memulakan perkhidmatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti berikut:

- 1999 memulakan tugas sebagai Pegawai Perubatan di Jabatan Obstetrik dan Ginekologi (O&G), Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru
- 2001 Bertugas di Jabatan Obstetrik dan Ginekologi (O&G) di Hospital Batu Pahat
- 2003 Bertugas di Hospital Alor Gajah Melaka ( Pelbagai bidang / *multidiscipline*)
- 2005 Bertugas sebagai Penolong Pengarah di Unit kawalan Amalan Perubatan Swasta di Jabatan kesihatan Negeri Melaka. Tugasannya merangkumi Pegawai pemeriksa, penyiasat, pendakwa dan penguatkuasa bagi memantau kemudahan perubatan di sektor perubatan swasta seperti hospital, klinik, pusat hemodialisis, nursing home serta fisioterapi.
- 1 Mei 2006 merupakan titik permulaan sebagai Pegawai Perubatan di Klinik Pelajar UTeM.

### Apakah pembaharuan yang di bawa oleh Klinik Pelajar?

Menjadikan Klinik Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sebagai Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/S) yang pertama di Melaka yang mewujudkan **Klinik Berhenti Merokok** untuk pelajar dan staf merupakan kejayaan yang membanggakan kerana ia juga menjadi platform untuk para pelajar dan staf mengamalkan kehidupan yang sihat dengan menghentikan tabiat merokok. Saya percaya Klinik Berhenti Merokok berkenaan juga menjadi salah satu langkah bagi membendung tabiat merokok di kalangan pelajar dan kewujudan klinik berkenaan juga sejajar dengan kempen 'Melaka Bebas Asap Rokok' yang *berdaftar di bawah Pusat Racun Negara bagi menjayakan pengurusan program yang dinamakan 'quick line.'. Saya gembira mendapati hasil klinik berkenaan, sebilangan pelajar sudah berjaya berhenti merokok dan terdapat beberapa lagi pelajar yang sedang mengikuti rawatan di bawah klinik berkenaan.*

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Selain itu, *Klinik Pelajar juga telah berjaya mengadakan perkhidmatan* **Klinik Berat Badan** untuk para pelajar dan staf yang memberikan pemerhatian, rawatan, nasihat tentang pemakanan yang sihat dan diet yang sesuai untuk turunkan berat badan kerana saya percaya dengan mengamalkan apa yang disebutkan tadi dalam kehidupan seharian, seseorang itu terutamanya pelajar dapat menikmati cara hidup yang sihat dari segi mental, fizikal dan sosial bagi menyumbang ke arah pembelajaran yang sempurna dan cemerlang.

Walaupun Klinik Pelajar diberi amanah untuk memberi perkhidmatan kepada para pelajar, namun kini satu lagi perkhidmatan yang diberikan di Klinik Pelajar ini dengan memberikan **perkhidmatan rawatan perubatan kepada staf UTeM.** Saya pasti ini akan dapat memberikan keselesaan serta

memudahkan staf terutamanya jika memerlukan rawatan kecemasan. Walaubagaimanapun rawatan ini tidak termasuk tanggungan staf dan mereka dikehendaki membawa kad staf untuk mendapatkan rawatan pada waktu bekerja sahaja.

**Apakah pencapaian Klinik Pelajar setakat ini dalam mencapai visi iaitu membangunkan pelajar yang sihat mental, jasmani dan rohani sebagai aset terpenting Negara?**

Sehingga kini Klinik Pelajar mempunyai 15 orang staf termasuk pegawai perubatan, pentadbiran, jururawat, pembantu perubatan,atendan serta pemandu. Sebenarnya penambahan staf amat diperlukan bersesuaian dengan 3 Klinik Pelajar yang berfungsi untuk 3 Kampus UTeM iaitu di Kampus Induk, Kampus Bandar dan Kampus Industri. Oleh itu, memberi perkhidmatan yang berkualiti dan terkini menjadi matlamat bagi kesemua kakitangan perubatan. Antara pencapaian lain yang telah Klinik Pelajar realisasikan ialah kepelbagaian dari segi ubat-ubatan yang berkualiti juga telah dipertingkatkan, peralatan perubatan yang dinaiktaraf untuk 3 buah klinik juga telah disediakan, ambulans yang dilengkapi dengan keperluan perubatan serta sebuah van.

**Apakah perancangan Klinik Pelajar di masa akan datang bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan perubatan untuk staf dan pelajar UTeM?**

Saya telah mengariskan pelbagai perancangan untuk Klinik Pelajar khususnya supaya fasiliti perubatan yang disediakan di UTeM setaraf dengan IPTA di Malaysia yang telah lama beroperasi. Bahkan menjadi suatu harapan ia akan menjadi salah sebuah fasiliti perubatan terbaik di Malaysia. Sebagai permulaan, saya amat gembira dan teruja dengan pembinaan Klinik Pelajar di hadapan Pusat Persatuan Pelajar (PPP) UTeM yang dijangka siap pada Mac 2013. Saya berharap dengan adanya Klinik Pelajar di lokasi berkenaan akan memudahkan warga UTeM untuk mendapatkan rawatan dan perkhidmatan perubatan. Selain itu saya juga bercadang untuk meningkatkan fasiliti seperti pemeriksaan ibu mengandung, pergigian, makmal, x-ray, fisioterapi, Bahagian Kawalan Jangkitan, Bahagia Promosi Kesihatan serta Unit Dialisis. Masa operasi klinik pada masa akan datang juga mungkin akan berubah menjadi 24 jam sehari bersesuaian dengan keperluan perkhidmatan perubatan yang meningkat.

**Apakah kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh Klinik Pelajar?**

Kekangan dan cabaran dari aspek bajet yang tidak mencukupi untuk menampung keperluan yang semakin meningkat, staf yang tidak mencukupi untuk 3 buah klinik seperti yang saya nyatakan sebelum ini serta tempat serta ruangan yang kecil yang sedang dihadapi kini menjadi antara faktor utama cabaran untuk Klinik Pelajar. Namun begitu, ini semua tidak menghalang Klinik Pelajar untuk memberikan perkhidmatan perubatan dan rawatan yang terbaik. Insya-Allah dengan adanya Klinik Pelajar yang akan siap pada tahun hadapan ia akan memberi lembaran baru dalam meningkatkan kualiti kemudahan untuk warga UTeM khususnya para pelajar.

**Apakah saranan dan harapan**

Mengikut pemerhatian saya, ramai yang tidak mementingkan kesihatan dan kurang kesedaran tentang kepentingan mengamalkan cara hidup sihat. Kebanyakkannya hanya akan tersedar apabila sudah terkena. Contohnya seseorang itu hanya tersedar apabila dimasukkan ke hospital setelah tidak sedarkan diri dan doktor mengesahkannya ada penyakit jantung. Oleh itu. saya menyarankan kepada semua agar mengamalkan gaya hidup sihat iaitu dengan mengambil pemakanan yang betul, lakukan senaman, hilangkan stress, kurangkan merokok dan menjalankan pemeriksaan kesihatan supaya dapat mengesan di peringkat awal jika menghidapi apa-apa penyakit sekalipun.






UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# UNIT PENEMPATAN PELAJAR

**Unit Penempatan Pelajar merupakan salah satu unit yang berada di bawah Bahagian Perkhidmatan Pelajar, Pejabat HEPA. Menguruskan kemudahan penginapan yang selesa dan persekitaran yang harmoni bagi membantu melahirkan mahasiswa yang bersahsiah murni dan mencapai akedemik yang cemerlang.**
**Sebagai salah satu unit di bawah bahagian Perkhidmatan Pelajar, fungsi utama Unit ini adalah:**

**1. Pengurusan penempatan pelajar di kolej kediaman mengikut dasar yang telah ditetapkan.**
- a. Penempatan pelajar baru
- b. Penempatan pelajar kanan
- c. Permohonan penempatan di kolej kediaman
- d. Menyelaras rekod dan maklumat penginapan pelajar di kolej kediaman

**2. Pengurusan perkhidmatan penginapan**
- a. Penginapan pelajar semasa cuti
- b. Sewaan luar

**3. Mewujudkan persekitaran kediaman yang kondusif**
- a. Menyelaras kemudahan di kolej kediaman
- b. Pemantauan kerja-kerja pencucian
- c. Pemantauan kerja-kerja penyelenggaraan kerosakan
- d. Persekitaran yang selamat dan selesa

**4. Pemantauan perlaksanaan Buku Peraturan dan Tatatertib Kolej Kediaman**
- a. Penyediaan dan mengemaskini Buku Peraturan dan Tatatertib Kolej Kediaman
- b. Pemantauan penguatkuasaan

**5. Perlantikan jawatan pengetua dan felo di kolej kediaman**
- a. Proses perlantikan
- b. Pergerakan lantikan
- c. Menyelaras kemudahan/kebajikan pengetua /felo

**6. Pengurusan pelajar luar kampus**
- a. Permohonan tinggal luar
- b. Merekod, kemaskini data pelajar tinggal luar
- c. Mengumpul maklumat rumah sewa
- d. Membantu urusan kebajikan pelajar tinggal luar

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





Puan Mazne bt. Ja'afar (kanan)- Pengurus Asrama
Puan Nazhatul Shimah bt. Abu Samah- Pembantu Tabdir (P/O)

# Pusat KEUSAHAWANAN

## 1. OBJEKTIF DASAR PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN IPT

Melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran,atribut dan nilai keusahawanan.
Melahirkan lebih ramai lagi usahawan siswazah yang akan bertindak sebagai pemangkin ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi ke arah pencapaian status negara maju menjelang 2020.

## SKOP TUGAS PUSAT KEUSAHAWANAN:-

Mengurus dan mengkoordinasikan segala program pembangunan keusahawanan iaitu:-
a) Aktiviti pembudayaan keusahawanan - kursus,pertandingan,konvensyen
b) Latihan Lanjutan - pemasaran,francais,kerjasama dengan agensi luar
c)Tapak perniagaan - , Siswasave,Kiosk Niaga,Student Mall

## OBJEKTIF PUSAT KEUSAHAWANAN

1. Membudayakan pelajar melalui pendedahan bagi memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya
2. Membantu pelajar mendapatkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang keusahawanan
3. Menyediakan prasarana dalam kampus dan modal bagi membantu pelajar menjalankan aktiviti keusahawanan
4. Mengurus dan mengkoodinasikan pembangunan keusahawanan
5. Menggalakkan amalan keusahawanan di kalangan pelajar

## VISI

Menjadi Pusat Keusahawanan sebagai pusat kecemerlangan keusahawanan berasaskan ilmu pengetahuan.

## MISI

Melahir dan membangunkan usahawan siswa dan usahawan siswazah melalui pemupukan sikap mulia yang mampu menguasai bidang keusahawanan, pengurusan dan teknikal serta dapat menyumbang kepada pewujudan peluang pekerjaan.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## CARTA ORGANISASI

PENOLONG NAIB CANSELOR HEPA
↓
KETUA TIMBALAN PENDAFTAR HEPA
↓
KETUA PUSAT KEUSAHAWANAN
↓
- PENOLONG PENDAFTAR N 41 UNIT PEMBUDAYAAN → PEMBANTU TADBIR N 17
- PENOLONG PENDAFTAR N 41 UNIT LATIHAN → PEMBANTU TADBIR N 17



Zainudin b. Hamid Penolong Pendaftar (tengah) bersama Azlan b. Azid dan Noor Yusniza bt. Yusof (Pembantu Tadbir- P/O)

# rakan SISWA



**Nama: Mohd Sofi B. Elias**

**Jawatan: Pekerja Am**

**Jabatan: Pusat Sukan**

**No. Tel: 06-5552192**

**Nama: Zakariyah Bin Zainal**

**Jawatan: Pembantu Tadbir (P/O)**

**Jabatan: Unit Kebajikan**

**No. Tel: 06-3316226**



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**Nama: Mohd. Nizam Bin Mansor**

**Jawatan: Pembantu Tadbir (P/O)**

**Jabatan: Unit Kenderaan**

**No.Tel: 06-3316217**

**Nama: Mazlan Bin Mahat**

**Jawatan: Pembantu Tadbir (P/O)**

**Jabatan: Unit Aktiviti**

**No.Tel: 06-3316233**



# Bengkel Perancangan Strategik HEPA 2012



**Bengkel Perancangan Strategik HEPA 2012 telah diadakan pada 22 hingga 24 Disember 2011 bertempat di Glory Beach Resort, Port Dickson Negeri Sembilan. Bengkel ini melibatkan 5 orang staf HEPA terdiri daripada semua Ketua Pusat/ Bahagian/Unit di HEPA. Bengkel dikendalikan sendiri oleh Penolong Naib Canselor (HEPA) sendiri berdasarkan Balanced Score Card Pusat Tanggungjawab.**
**Bengkel ini adalah bertujuan untuk menilai semula perancangan yang telah dilaksanakan dalam tahun 2011 dari segi tahap pencapaian, kejayaan program serta permasalahan yang berlaku dan seterusnya sebagai asas untuk menyusun atur perancangan bagi tahun 2012 untuk memastikan sasaran dan hala tuju HEPA dan UTeM dapat direalisasikan. Di antara objektif bengkel adalah:**

a) Mengadakan perbincangan yang menyeluruh mengenai pencapaian dan permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan aktiviti sepanjang tahun 2011 dan merancang aktiviti yang akan dilaksanakan pada tahun 2012 berlandaskan 8 teras PSPTN.
(b) Memberi peluang kepada staf untuk menyumbangkan idea dan pendapat bagi meningkatkan prestasi kerja dalam melaksanakan tugasan harian.
(c) Memberi ruang perbincangan, pendedahan dan pengetahuan di antara staf HEPA mengenai perancangan dan pembangunan HEPA dalam pelaksanaan BSC dan mencapai objektif Universiti.

Terdahulu itu setiap Pusat/Bahagian/Unit diminta untuk menyediakan perancangan aktiviti tahun 2012 bersama anggaran kos. Peserta bengkel dibahagikan kepada

(a) Bahagian Pembangunan Pelajar
(b) Bahagian Perkhidmatan Pelajar
(c) Pusat Sukan
(d) Pusat Keusahawanan
(e) Klinik Pelajar
(f) Kolej Kediaman
(g) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Pada hari pertama bengkel, PNC (HEPA) membentangkan halatuju dan fokus utama HEPA untuk tahun 2012 berdasarkan Peruntukan Kewangan, Perjawatan, BSC HEPA (2010-2015) dan Aktiviti Sahsiah Pelajar. Hasil bengkel boleh digunakan oleh Pusat/Bahagian/Unit untuk menyediakan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) tahun 2012 untuk staf masing-masing.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# UTeM TUAN RUMAH MESYUARAT TTNC HEPA IPTA



Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah dipilih untuk menjadi tuan rumah Mesyuarat Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor/Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni ( TTNC HEPA) IPTA ke 178 Bil. 1/2012 yang telah diadakan di Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Penolong Naib Canselor (HEPA) UTeM Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman 40 wakil universiti dari 20 IPTA telah hadir dalam mesyuarat yang pertama kalinya diadakan di UTeM. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Datuk Dr. Ahmad Faiz Hamid yang merupakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Utara Malaysia (UUM). Turut hadir ialah wakil dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Mesyuarat ini diadakan secara bergilir oleh setiap IPTA yang dipilih.



Sekretariat ini merupakan penyelaras bagi sebarang peraturan serta aktiviti yang dianjurkan oleh setiap IPTA. Sebarang pemasalahan pelajar turut dibincangkan bersama di dalam mesyuarat ini.

Delegasi dari seluruh IPTA juga turut diraikan di dalam satu majlis makan malam di Medan Ikan Bakar di Umbai Melaka yang turut dihadiri oleh Naib Canselor UTeM.

# PEJABAT HEPA MAHU MAHASISWA CAPAI KEMAHIRAN *Insaniah Melalui Keusahawanan*



Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mahu mahasiswa mencapai kemahiran insaniah melalui program-program bercorak keusahawanan. Demikian dimaklumkan oleh Penolong Naib Canselor HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman semasa majlis taklimat pelan strategik Pejabat HEPA 2012-2020 di Auditorium Canselori Kampus Induk Durian Tunggal kelmarin. Turut hadir di dalam majlis taklimat ini ialah Ketua Timbalan Pendaftar Zainudin Ahmad, Timbalan Pendaftar Noornahar Hj. Akashah, pegawai-pegawai HEPA dan 100 orang kakitangan HEPA.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# TAKLIMAT BALANCE SCORE CARD HEPA 2012

Bermula tahun 2010, UTeM telah menggunakan kaedah Balace Score Card (BSC) untuk mengukur prestasi pencapaian PTJ. Beberapa siri bengkel dan taklimat diadakan bagi menyediakan BSC peringkat UTeM, yang mana akhirnya akan diperturunkan pula kepada setiap PTJ. HEPA telah mengambil inisiatif pada tahun 2011 juga mengadakan bengkel BSC dengan semua Ketua Pusat/Bahagian/ Unit bagi menyediakan BSC HEPA. Bermula dari situ, beberapa siri bengkel diadakan untuk memperkemaskan BSC HEPA agar selari dengan BSC UTeM dan keadaan semasa dalam industri pendidikan diperingkat glokal dan global. Akhirnya pada 16 Mac, 2012, diadakan Taklimat BSC HEPA 2012 kepada semua staf HEPA bertempat di Auditorium, Canselori.




Di bawah adalah Fokus Utama HEPA berdasar Strategy Map di atas.

| BIL | STRATEGY MAP/SO | KPI | KPI DESCRIPTION |
|---|---|---|---|
| 1 | **S1-1- Effective Communication Skills** | Number of students participating in high impact communication skills program at national level and above | Participation of students in high impact communication skills programs |
| 2 | **S1-2 Assimilated Entreprenuership Skills** | Number of business activities and Business Plan Competition | Integrated participation in entreprenuership activities and competitions |
| 3 | **S1-3 Effective Leadership & Teamwork in Multi Disciplines** | Number of high impact programs on leadership and teambuilding | Participation of students in high impact leadership and teamwork program |

# KLINIK PELAJAR UTeM
## ANJUR KEMPEN DERMA DARAH



Klinik Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mengorak langkah dalam menjalankan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dengan menganjurkan kempen derma darah di bangunan Pusat Persatuan Pelajar (PPP), kampus induk Durian Tunggal. Program ini telah mendapat kerjasama daripada Unit Tabung Darah, Jabatan Patalogi Hospital Melaka.

# KLINIK PELAJAR UTeM
## ANJUR PROGRAM KESEDARAN PENYAKIT TIBI

Klinik Pelajar Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) turut menganjurkan Program Kesedaran Penyakit Tibi di Auditorium Canselori Kampus Induk Durian Tunggal. Menurut Pegawai Perubatan Klinik Pelajar UTeM Dr. Noor Raffidah Haron berkata, program ini adalah anjuran bersama Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan Persatuan bagi Mencegah Penyakit Tibi Malaysia (MAPTB) bertujuan bagi meningkatkan kesedaran kesihatan mengenai penyakit tibi yang mudah berjangkit dan boleh membawa maut, menggalakkan individu yang mempunyai tanda-tanda penyakit tibi datang awal untuk menerima rawatan, menekankan aspek pencegahan kepada penyebaran penyakit tibi dan menekankan aspek pengambilan ubat mengikut arahan sehingga habis tempoh rawatan sebelum diisytiharkan sembuh daripada penyakit tibi.





UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# KLINIK PELAJAR UTeM
## ANJUR PROGRAM KESIHATAN UNTUK WARGA UTeM





Klinik Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Klinik Kesihatan Durian Tunggal telah menganjurkan program Kesihatan di ruang legar Perpustakaan UTeM , Kampus Induk Durian Tunggal. Seramai hampir 200 kakitangan dan pelajar UTeM menghadiri pemeriksaan kesihatan ini. Antara objektif program ini ialah untuk memberi peluang kepada individu menjalani pemeriksaan kesihatan, memberi informasi kesihatan dan peringatan terhadap tahap kesihatan individu, memberi peluang individu mendapatkan nasihat dari pakar pemakanan dan konsultasi perubatan ke arah penurunan BMI dan memberi pendedahan tentang pemakanan dan tips diet yang sihat bagi mencapai berat badan yang unggul. Terdapat juga pemeriksaan payu dara dan pap smear yang boleh dilakukan secara percuma. Disamping itu terdapat pameran & pemeriksaan kesihatan yang berlangsung pada hari yang sama dan ianya terbuka untuk semua warga UTeM. Di antara pemeriksaan kesihatan yang akan dijalankan adalah BMI, analisis lemak dalam badan, analisis ketumpatan kalsium dalam tulang, pemeriksaan tekanan darah, pemeriksaan kandungan gula dalam darah , konsultasi perubatan dan pakar pemakanan.





# PEJABAT HEPA SERTAI SUKAN ANTARA JABATAN 2012



Pasukan Pejabat HEPA yang bergabung bersama Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) dan Pusat Jaminan Kualiti dan Akredetasi (PJKA) telah menyertai Sukan Antara Jabatan 2012. Antara sukan yang disertai ialah bolasepak, bolajaring, sepaktakraw, karom, dart, bolatampar, boling padang. Pasukan bolajaring telah mengekalkan kejuaraan yang disandang pada tahun lepas. Manakala pasukan badminton telah mendapat tempat ketiga. Tahniah diucapkan.

# PEJABAT HEPA ANJUR KULIAH AGAMA BULANAN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah Berjaya mengadakan program kuliah agama bulanan di ruang legar pejabat HEPA baru-baru ini. Seramai hampir 40 staf pejabat HEPA pelbagai jawatan telah hadir dalam majlis ini yang turut dihadiri oleh Ketua Timbalan Pendaftar Zainudin Ahmad, Timbalan Pendaftar Noornahar Hj. Akashah, pegawai dan staf HEPA.

Kuliah agama di Pejabat HEPA ini telah disampaikan oleh Pembantu Hal Ehwal Islam Masjid Saiyydina Abu Bakar UTeM Ustaz Muhammad Ridhwan Mohd. Danian. Beliau juga turut memberi kuliah yang bertajuk ' Fiqah Mudah.'









UNIVERSITI TEKNIKAL MALA









14 April 2012
KEJOHANAN
BOLING TERBUKA
UTeM
KELAB
RAKAN




APPROVED

# SPOTME

APPROVED






















CANSELORI
UTeM

6th April 2012
8-11 pm
Dewan Besar
UTeM












2011



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

































APPROVED

# SPOTME

APPROVED

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Aktiviti KELAB USRATI

## Hj. Razali Di Pilih Semula Pengerusi Kelab Kebajikan HEPA



Hj. Razali Abdol Jalil, Penolong Pendaftar dari Kerjaya dan Alumni telah dipilih semula sebulat suara sebagai Pengerusi Kelab Kebajikan Staf (USRATI) Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dalam mesyuarat yang berlangsung di Auditorium Canselori, Kampus Induk Durian Tunggal kelmarin. Beliau telah dilantik sebulat suara untuk menerajui kelab ini bagi sesi 2012/2013. Seramai 80 kakitangan Pejabat HEPA telah menghadiri mesyuarat agong ini yang telah dirasmikan oleh Penolong Naib Canselor HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman. Sebanyak 8 ahli jawatankuasa baru turut juga dipilih bagi menerajui USRATI yang diadakan pemilihannya setahun sekali.

Kelab Usrati juga telah menganjurkan Hari Keluarga di Cameron Highland, Program bacaan Yassin dan tahlil, jualan semasa Minggu Haluan Siswa dan Pesta Konvokesyen



| | | |
|---|---|---|
| **Penaung** | **:** | **Y.Bhg Engr. Prof. Dr. Marizan Bin Sulaiman** |
| **Penasihat** | **:** | **Encik Zainudin Bin Ahmad** |
| **Pengerusi** | **:** | **Hj. Razali Bin Abd. Jalil** |
| **Naib Pengerusi** | **:** | **Encik Mohd Yaszli Bin Mohamed Rahis** |
| **Setiausaha** | **:** | **Puan Maswatee Binti Abdul Gaffar** |
| **Bendahari** | **:** | **Puan Shamsiah Binti Omar** |
| **Biro Aktiviti, Sukan & Rekreasi** | **:** | **Puan Siti Sarah Binti Bujang** |
| | | **Encik Abdul Halim Bin Mohamad Noh** |
| **Biro Kebajikan & Komuniti** | **:** | **Puan Etty Marina Binti Muhamad Noor** |
| | | **Cik Juraida Binti Jamaluddin** |
| **Biro Ekonomi & Keusahawanan** | **:** | **Puan Rafidah Binti Md Dusa** |
| | | **Cik Netty Muhalizza Binti Mohd Fadzil** |
| **Biro Tugas-Tugas Khas** | **:** | **Puan Siti Sabrinah Binti Buang** |
| | | **Cik Nurul Hida Binti Zulkifli** |
| **Pemeriksa Kira-Kira** | **:** | **Encik Azrai Bin Abdul Aziz** |

# Selamat Datang Ke Hepa



**Puan Noreliza Bt. Adam**
(Pembantu Tadbir Kanan) dari Pejabat Pendaftar ke Unit Pentadbiran



**Encik Khairul Niza b. Yahya**
(Penolong Pendaftar) dari CRIM ke Pusat Sukan



**Encik Azrai b. Abd. Aziz**
(Penolong Pegawai Tadbir) dari Pejabat Pendaftar ke Unit Kenderaan



**Cik Wan Khairunnisa binti Wan Jusoh**
(Pembantu Tadbir (P/O) - Unit Kebajikan-staf baru



**Encik Amirul Nizam bin Abu Hassan**
(Tukang Paip - Kolej Kediaman Murni)- staf baru



**Encik Mohd Syahimin bin Hj. Daud**
(Tukang Kayu - Kolej Kediaman Bertam Perdana)- staf baru



**Puan Suhaila binti Saad**
(Jururawat - Klinik Pelajar)- staf baru

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Sedekad Bersama Hepa



**Abdul Rashid B. Abdul Rahman**
Penyelia Asrama Kanan



**Mokhtar B. Aman**
Penyelia Asrama

## Terima Kasih Dari Hepa

1. Encik Mohd. Nawawi b. Mohamad dari Pusat Sukan ke Pusat Islam
2. Puan Faridah bt. Ahmad dari Unit Pentadbiran ke Pejabat Pendaftar

## Staf Yang Berpindah Bahagian / Unit

1. Puan Syahira binti Hj. Mohd Adnan (Ketua Penolong Pendaftar) Dari Bahagian Perkhidmatan Pelajar ke Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
2. Encik Zulkifli bin Ishak (Penolong Pendaftar) Dari Unit Pentadbiran, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan ke Unit Kebajikan, Bahagian Perkhidmatan Pelajar
3. Hj. Razali bin Abd Jalil (Penolong Pendaftar) Dari Unit Integriti & Sahsiah Pelajar dan Badan Beruniform ke Unit Kerjaya dan Alumni
4. Puan Rafidah binti Md Dusa (Penolong Pendaftar) Dari Unit Kerjaya dan Alumni ke Unit Integriti & Sahsiah Pelajar dan Badan Beruniform
5. Encik Zuhaimi bin Alias (Pembantu Tadbir (P/O)) Dari Unit Kerjaya dan Alumni ke Unit Integriti & Sahsiah Pelajar dan Badan Beruniform
6. Encik Muhammad Akmal bin Mad Yatim (Pembantu Tadbir (P/O)) Dari Unit Integriti & Sahsiah Pelajar dan Badan Beruniform ke Unit Kerjaya dan Alumni

# Raja Sehari...




*Majlis Perkahwinan*
*Sarah & Akmal*
**Tarikh : 3 & 4 Mei 2012**




*Majlis Perkahwinan*
*Aznina & Suami*
**Tarikh : 17 Disember 2011**

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Cahayamataku ...



**Nama staf :**
Norain Binti Hana
Setiausaha Pejabat ( Klinik Pelajar)
**Nama Anak:**
Muhammad Zahin Ar-Rassul bin Abu Zar
**Tarikh Lahir :**
31 Januari 2012 at 10.45 pm

# Aktiviti PELAJAR





## UTeM Terus Menjadi Tumpuan Lawatan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus menerima lawatan dari institusi dalam dan luar Negara bagi mengetahui sistem pembelajaran dan kemudahan kampus yang disediakan kepada pelajar-pelajarnya. Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menerima lawatan seramai 33 orang pelajar dan 4 orang pegawai pengiring dari Sekretariat Pelajar Alumni PSMZA Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Dungun Terengganu, dan 16 orang ahli Majis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi mengadakan lawatan, bertukar-tukar fikiran dan mengeratkan silaturahim ke Kampus Induk UTeM Durian Tunggal.



## JAWATANKUASA KOLEJ KEDIAMAN SISWA UTeM ADAKAN AKTIVITI

Kolej Kediaman Emerald di Bukit Beruang telah mengadakan berbagai aktiviti untuk warga kolej berkenaan antaranya:

1. Majlis Taklimat Keselamatan, Disiplin serta Peraturan dan Tatatertib Kolej Kediaman (Diploma dan Ijazah) Semester 2 Sesi 2011/2012.
2. Majlis Jamuan Perpisahan dan Penyerahan Tugas Oleh Mantan Jawatankuasa Kolej Kediaman Siswa/I UTeM Emerald Sesi 2010/2011.
3. Solat Hajat & Bacaan Yasin untuk menghadapi peperiksaan (Diploma) Akhir Semester 2 Sesi 2011/2012.
4. Program Khidmat Bakti Siswa (Anak Angkat) di Kampung Tengah, Sungai Terap, Muar, Johor.
5. Lawatan ke Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka.
6. Pertandingan Boling Piala Pusingan Pengetua Emerald

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





## Kolej Kediamanan UTeM Bertam Perdana turut mengadakan aktiviti antaranya:




Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1433h, peringkat Kolej Kediaman Taman Bertam Perdana, bersama Madrasah Mahabbah, Taman Bertam Perdana, Pulau Gadong.



Majlis taklimat pengetua/keselamatan Kolej Kediaman Taman Bertam Perdana

## Kolej Kediaman UTeM Murni turut mengadakan aktiviti derma darah di kolej kediaman tersebut dengan kehadiran seramai 102 pelajar.




Lawatan ke Kolej Tun Dr. Ismail Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dihadiri oleh seramai 30 orang majlis tertinggi JAKSIS.









**Jawatankuasa Kolej Kediaman Siswa UTeM Murni, D'Apartment dan Makmur (JAKSIS) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Program Konvoi Bermotosikal 1 Malaysia (Secupak Budi, Sepenuh Hati) Siri di Rumah Kebajikan Seri Kenangan Cheng, Surau Ubudiyyah, Kampung Bukit Senjuang dan Rumah Kebajikan Budak Laki-laki Tun Abdul Aziz(anak yatim) Melaka**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# BADAR UTeM TERUSKAN USAHA MENDIDIK MAHASISWA KE ARAH KEBAIKAN









**Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) UTeM telah mengadakan pelbagai aktiviti bagi mendidik dan menjadikan mahasiswa menjadi insan yang berguna dan menuju ke arah kebaikan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah:**

1. **Program Terapi Sunnah**
2. **Program Fatayat dengan tajuk Al Quran dan Sains**
3. **Kursus Induksi Kepimpinan BADAR**
4. **Kempen Recycle:Let's Save The Environment**
5. **Kem Bestari Solat di Saujana Asahan Melaka**

## UNIT KAUNSELING PELAJAR JALANKAN AKTIVITI BERSAMA PELAJAR





Unit Kaunseling Pelajar HEPA telah mengadakan Bengkel Ujian Psikologi Siri 1 & 2 bertempat di Bilik Kaunseling Kelompok, Unit Kaunseling Pelajar. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membantu membimbing mahasiswa UTeM dalam membuat keputusan dan menentukan sesuatu pemilihan, penempatan dan penilaian. mengenalpasti potensi individu yang boleh diperbaiki dan diperkembangkan untuk menjalani kehidupan yang lebih baik serta meningkatkan motivasi selepas mengenali diri dan mempunyai matlamat yang lebih jelas. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Pegawai Psikologi, Unit Kaunseling Pelajar HEPA iaitu Puan Hadibah Binti Tahir. Sementara Unit Kaunseling Pelajar turut mengadakan Program Jelajah Kampus 2012 Siri 1 dibeberapa lokasi iaitu Kampus Bandar, Kampus Industri dan Kampus Induk. Tujuan Program tersebut diadakan adalah bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan bimbingan, kaunseling dan program yang dijalankan oleh Unit Kaunseling Pelajar HEPA, UTeM. Selain itu, melalui program ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk lebih bersedia dan memaksimumkan perkhidmatan daripada unit ini sebagai wadah membangunkan pelajar memahami potensi diri agar dapat berfungsi pada tahap paling maksimum dalam kehidupan seharian. Antara pengisian sepanjang program ini berlangsung adalah seperti berikut :-

a) Pentadbiran dan pentafsiran ujian psikologi
b) Perkongsian permasalahan berkaitan diri pelajar
c) Sesi bimbingan dan perkongsian
d) Pendaftaran penglibatan dalam program di bawah Unit Kaunseling Pelajar
e) Edaran pamplet/risalah berkaitan perkembangan diri dan Unit Kaunseling Pelajar
f) Pameran

# Program Muhibbah Kelab Pembimbing Rakan Siswa & Kelab Pemadam

## Universiti Teknikal Malaysia Melaka ( UTeM ) Dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)



Kelab Pembimbing Rakan Siswa ( PRS ) dengan kerjasama Unit Kaunseling Pelajar, HEPA telah mengadakan Program Muhibbah Kelab Pembimbing Rakan Siswa & Kelab Pemadam Universiti Teknikal Malaysia Melaka ( UTeM ) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Program tersebut telah diadakan di UPSI, Tanjung Malim,Perak dan disertai oleh 37 orang ahli Kelab PRS & Pemadam UTeM . Program ini bertujuan untuk memupuk semangat bekerjasama serta menguatkan jaringan kepimpinan kelab antara universiti. Program selama 2 hari 1 malam ini telah diisi dengan pelbagai aktiviti, antaranya ialah Latihan Dalam Kumpulan ( LDK ) iaitu ice-breaking, sukaneka, senamrobik dan Explorace telah diadakan di Tasik Proton City. Selain itu terdapat juga sesi perkongsian modul daripada kedua-dua belah pihak universiti. Antara Modul yang dilaksanakan oleh pihak UPSI adalah modul " Pusat Kehidupan " dimana kehidupan merupakan satu perjuangan manakala pihak UTeM melaksanakan modul yang bertajuk " Mafia Wars " dimana ia dapat membina pemikiran yang kreatif dan kritis para peserta semasa aktiviti berlansung. Program berakhir dengan jayanya dan pada jam 3 petang ahli kelab PRS & Pemadam UTeM bergerak pulang.

UTeM

# Pertandingan SIMULASI PERNIAGAAN IPTA 2012




Pada 1-16 Februari 2012, Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), Universiti Utara Malaysia telah mengadakan pertandingan Simulasi Perniagaan IPTA Peringkat Kebangsaan 2012 bertempat di Universiti Utara Malaysia. Pertandingan ini disertai oleh 19 IPTA di Malaysia. UTeM telah menghantar sebuah pasukan yang diketuai oleh Saudari Siti Khadijah binti Ab Yusop,Saudara Ahmad Ibrahim Yazirruddin, Saudara Muhammad Fizree Ashraf Jarni, Saudara Mohd Azwann bin Zulkefle dan Saudara Zarith Zulaikha binti Zulkiflee bagi menyertai pertandingan ini.Di dalam pertandingan ini, terdapat tiga fasa utama iaitu fasa simulasi pendaftaran syarikat, fasa membentangkan pelan perniagaan kepada pihak pelabur dan simulasi perniagaan manakala fasa yang terakhir pula adalah fasa pembentangan kepada pihak ahli lembaga syarikat. Bagi fasa pertama, kesemua pasukan dikehendaki menyediakan produk masing-masing dan juga menyediakan pendaftaran syarikat bagi melayakkan diri mereka untuk bertanding di fasa kedua. Pasukan UTeM telah memilih nama 2nd Eye Innovation Sdn Bhd bersesuaian dengan identiti UTeM yang menekankan kepada kepentingan inovasi. Produk yang dipertaruhkan pula adalah My 2nd Eye yang merupakan hasil inovasi pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektrik, En. Anuar bin Mohamed Kassim. Produk ini telah berjaya memenangi beberapa pertandingan sebelum ini antaranya pingat emas di Malaysia Technology Expo 2011 dan lain-lain lagi. Dalam fasa pertama, kesemua syarikat telah berjaya melaksanakan perdaftaran mereka dan di dalam fasa kedua, hanya 7 dari 19 universiti sahaja yang berjaya melayakkan diri untuk ke peringkat simulasi perniagaan. Pasukan 2nd Eye Innovation Sdn Bhd dari UTeM merupakan antara yang berjaya keperingkat tersebut.Di dalam fasa simulasi perniagaan, pelbagai risiko dan permasalahan telah diberikan kepada 7 pasukan tersebut. Antara adalah penipuan dalam perniagaan, risiko kebakaran gudang, risiko barangan rosak dan lain-lain lagi. Pasukan 2nd Eye Innovation Sdn Bhd telah berjaya membuktikan bahawa golongan professional dalam bidang kejuruteraan mampu menguruskan pentadbiran syarikat sama taraf dengan universiti lain apabila telah menangani pelbagai masalah yang diberikan seperti risiko insurans barangan, penipuan dalam perniagaan dan sebagainya. Apa yang uniknya ialah, Pasukan 2nd Eye Innovation Sdn Bhd merupakan satu-satunya pasukan yang hanya dianggotai oleh barisan professional jurutera muda dan tidak mempunyai ahli yang mengambil jurusan pentadbiran, akaun berbanding universiti lain yang rata-ratanya mempelajari kursus akaun dan pentadbiran.Keputusan pertandingan ini diumumkan di Hotel Ritz Carlton, Kuala Lumpur. Pasukan 2nd Eye Innovation Sdn Bhd telah berjaya merangkul tempat ketiga yang membawa hadiah wang tunai bernilai RM3000. Tempat pertama dimenangi oleh Universiti Putra Malaysia manakala tempat kedua dimenangi oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Terengganu.

# PEJABAT HEPA ANJUR KURSUS PERSEDIAAN PEMILIHAN CALON MPP



Dalam memberikan pendedahan awal berkaitan perjalanan keseluruhan proses kepada penggerak, petugas, urus setia dan bakal calon yang dijangka bertanding dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Kursus Persediaan Pemilihan Calon MPP kepada 30 orang pelajar di salah sebuah hotel di Kuala Sungai Baru, Melaka. Antara penceramah ialah dari wakil dari Biro Tatanegara (BTN), taklimat AUKU, ceramah persediaan dan perjalanan pemilihan MPP, pengurusan organisasi dan pengucapan awam. Turut diadakan ialah simulasi pilihanraya dan Latihan Dalam Kumpulan (LDK).



UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PESTA PONGGAL UTeM MERIAH





Pesta Ponggal Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian India berlangsung dengan meriah di perkarangan Dewan Besar, Kampus Induk UTeM .

Menurut pengarah program Dinesh a/l Maniyam antara objektif Pesta Ponggal ini diadakan adalah bagi mengetengahkan keistimewaan tradisi masyarakat India dan juga memupuk perpaduan di antara kaum-kaum yang terdapat di UTeM. Seramai 60 orang pelajar pelbagai kaum menyertai Pesta Ponggal ini yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk memasak mengikut fakulti masing-masing.

# HEPA Anjur *Festival Musim Bunga* UTeM Sempena Tahun Baru Cina

Festival Musim Bunga (Spring Festival) bersempena perayaan Tahun Baru Cina anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina dengan kerjasama Unit Kebudayaan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berlangsung dengan meriahnya di Dewan Besar UTeM Kampus Induk Durian Tunggal.

Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Gan Tian Loo Exco Pelajaran Negeri Melaka, Belia dan Sukan Melaka yang mewakili Ketua Menteri Melaka YAB Datuk Seri Mohd. Ali Mohd. Rustam. Turut dihadir Pegawai Kebudayaan UTeM Amir Ali, pegawai-pegawai HEPA dan lebih 1000 tetamu jemputan dan masyarakat sekeliling serta pelajar.

Antara yang menarik perhatian penonton ialah Persembahan Gendang 24 Musim oleh pelajar UTeM, Persembahan Tarian Singa oleh Kun Seng Keng dari Muar yang telah banyak memenangi pertandingan dalam dan luar negeri, Tarian Tradisional 1Malaysia oleh pelajar UTeM dan UKM, persembahan silap mata, persembahan orkestra Cina oleh Persatuan Teo Chew Melaka, persembahan akrobatik dan juga persembahan koir.







UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# FKE JOHAN PERTANDINGAN DEBAT PIALA NAIB CANSELOR UTeM






Pasukan dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menjadi johan bagi pertandingan debat piala Naib Canselor UTeM yang berlangsung kelmarin di Auditorium Canselori, kampus induk Durian Tunggal.

Pertandingan debat Piala Naib Canselor ini ialah anjuran Kelab Debat dan Pidato UTeM dan Sekretariat Pencegahan Rasuah UTeM dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menarik 7 pasukan yang bertanding yang terdiri daripada fakulti, kelab-kelab dan kolej-kolej kediaman UTeM. Pasukan FKE yang terdiri daripada Sharul Aidy Mohd Zaini, Norfanesya Abd. Latif, Saidatina Aishah Mohd. Shah dan Iffah Mastura Ibrahim berjaya mengalahkan pasukan dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dengan mata kemenangan yang tipis. Usul yang diperdebatkan pada pertandingan akhir ini ialah Mahasiswa Berintegriti Menjamin Kemajuan Negara

# MAHASISWA UTeM
## PERIHATIN MENGENAI RASUAH





Dengan bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada mahasiswa tentang bahana rasuah secara menyeluruh di samping mengajak mereka untuk bersama berganding bahu memerangi rasuah yang menjadi musuh nombor satu negara, Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) (SPR UTeM) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menganjur Kempen Anti Rasuah (KEMAR) 2012 di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini. Program ini turut dijalankan di Kampus Industri Ayer Keroh dan Kampus Bandar Jalan Hang Tuah Melaka yang bertemakan "Mahasiswa Berintegriti, Ganyang Rasuah". Antara program yang dijalankan ialah pengedaran poster dan risalah serta borang soalselidik mengenai rasuah kepada mahasiswa UTeM, mengedarkan pelekat kenderaan dan cenderahati SPR UTeM, sesi ceramah agama yang bertajuk "Halalkah Rezekinya".

# LAWATAN UKHWAH PELAJAR UTeM KE
## UNIVERSITI DI SONGKHLA THAILAND BERJAYA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Lawatan ukhwah oleh seramai 22 orang pelajar dan 5 orang kakitangan yang terdiri dari Jawatankuasa Pemimpin Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ke Prince Of Songkhla Universiti (PSU) anjuran Exco Sukan Dan Rekeasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Pusat Sukan HEPA dari 2 hingga 5 Februari lalu telah mencapai objektifnya dengan pelbagai aktiviti akan dirancang bagi mengeratkan lagi persefahaman dan bertukar pandangan dan penjalinan ikatan serantau antara UTeM dengan PSU dan program yang akan diadakan bersama pada masa akan datang.

Menurut Ketua Pusat Sukan UTeM, Haji Ismail Abdol Jalil yang mengetuai delegasi UTeM berkata, antara objektif program ini ialah bertukar pandangan dan penjalinan ikatan serantau bagi mengeratkan hubungan kedua-dua universiti, membuka ruang lebih luas dalam menjayakan sebarang program berbentuk kerjasama pada masa akan datang, mewujudkan hubungan degnan penekanan sistem pembelajaran dalam perancangan sukan dan persekitaran perlaksanaan persatuan.






# MAHASISWA UTeM BERBAKTI DI PERLIS

Seramai 30 mahasiswa dari Persatuan Mahasiswa Sabah Sarawak (PMaSS) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan program Intergrasi Erat dan Khidmat Masyarakat di Perlis. Program ini mendapat kerjasama dari Persatuan Anak Sabah Sarawak (PaSS) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Menurut Pengerusi PMaSS UTeM Morris Tabed Paraq, objektif penganjuran program ini ialah meningkatkan modal insan yang tinggi di kalangan mahasiswa, memberi pengetahuan dan pengalaman kepada peserta mengenai kesenian dan kebudayaan sertra kehidupan rakyat negeri Perlis, bertukar idea dan pandangan program yang dijalankan di antara kedua-dua universiti serta mempromosi UTeM kepada masyarakat negeri Perlis.

Antara program diadakan ialah sesi perbincangan, dialog dan sukaneka bersama PasS UniMAP, aktiviti gotong royong dan sukaneka di Rumah Anak-anak Yatim Sinar Harapan di Arau Perlis. Rombongan UTeM turut diraikan oleh Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniMAP Razli Ahmad di satu majlis makan malam di Kuala Perlis.





اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



# SEKRETARIAT ANAK MELAKA UTeM DILANCAR



**Sekretariat Anak Melaka UTeM (SAM) telah dilancarkan oleh Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd. Ali bin Mohd. Rustam di Seri Bendahara kediaman rasmi beliau di Ayer Keroh. Seramai hampir 100 ahli SAM turut hadir di majlis pelancaran ini. Turut hadir Penasihat SAM Amir Ali yang juga Pegawai Kebudayaan UTeM dan Pengerusi SAM Muhd. Asri b. Yaakup.**

KOSISWA
KOPERASI SISWA UTeM BHD

# Taklimat KOPERASI SISWA UTeM BHD & ANGKASA

Sempena penubuhan Koperasi Siswa UTeM Bhd, KosiswaUTeM telah mengadakan sesi pendaftaran dan taklimat kepada pelajar-pelajar UTeM.Sebanyak 3 sesi pendaftaran dan taklimat diadakan di 3 kolej kediaman yang berlainan iaitu di Kolej Kediaman Bunga Raya,Kolej Kediaman TTU3 dan Kolej Kediaman Pulau Gadong.

Sesi pertama pendaftaran dan taklimat bermula pada15 Disember 2011 bertempat di Kolej Kediaman Bunga Raya. Manakala sesi kedua diadakan pada 20 Disember 2011 di Kolej Kediaman TTU3 seterusnya sesi ketiga di Kolej Kediaman Pulau Gadong pada 27 Mac 2012. Sesi taklimat bermula pada jam 9 malam itu turut dihadiri oleh Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman, Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta wakil penceramah dari Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan juga Ahli-ahli Lembaga Koperasi UTeM Bhd.

Tujuan sesi taklimat ini diadakan adalah untuk memberi informasi kepada pelajar mengenai koperasi siswa dan kepentingan kepada pelajar untuk menyertainya. Selain itu juga, penyertaan pelajar dalam kosiswa juga dapat membantu pelajar menerapkan nilai keusahawanan di kalangan mereka. Pihak ANGKASA juga turut menyediakan kursus-kursus berkaitan pengurusan perniagaan kepada para pelajar.





UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Amalina Johan PUISI ANTARA KOLEJ UTeM

Amalina Zainal dari Kolej Kediaman Pulau Gadong telah memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Sayembara Puisi Inter Kolej yang telah diadakan di Pusat Persatuan Pelajar (PPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), kampus induk Durian Tunggal . Amalina pelajar dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) telah menyampaikan sajak bertajuk "Berjalan di Bumi Merdeka" dan memenangi wang tunai sebanyak RM150.00 dan sijil penghargaan. Tempat kedua dimenangi oleh Mohamad Afiq Rehat juga dari FPTT dan dari Kolej Kediaman Bertam Perdana dengan tajuk sajak "Mahasiswa Tanpa Dadah, Tunjang Kemajuan Negara" dengan memenangi wang tunai RM100.00 dan sijil penghargaan. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dari Kolej Kediaman Taman Tasik Utama 3 dengan tajuk sajak "Perjuangan Mahasiswa Mahasiswi" memenangi wang tunai sebanyak RM80.00 dan sijil penghargaan.



# KOLEJ KEDIAMAN BERTAM PERDANA JOHAN

## *Festival Nasyid Piala Naib Canselor*



Kolej Kediaman Bertam Perdana Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menjadi johan festival nasyid piala Naib Canselor antara kolej-kolej kediaman bagi tahun 2012 yang berlangsung di Pusat Persatuan Pelajar (PPP) kampus induk Durian Tunggal. Pertandingan anjuran bersama Unit Kebudayaan dan Warisan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan Jawatankuasa Kolej-Kolej Kediaman (JAKSIS), Sekretariat Anak Melaka (SAM) dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung UTeM (GPMS) disertai oleh 7 kolej kediaman di UTeM.



Pasukan Kolej Kediaman Bertam Perdana yang dianggotai seramai 10 orang mahasiswa berjaya merangkul wang tunai sebanyak lima ratus ringgit beserta trofi dan pingat. Naib Johan disandang oleh Kolej Kediaman Bunga Raya yang memenangi hadiah wang tunai tiga ratus ringgit beserta pingat manakala Kolej Kediaman Makmur pula menadapat tempat ketiga dengan membawa wang tunai sebanyak dua ratus ringgit beserta pingat.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# FKM JOHAN

## PERTANDINGAN DIKIR BARAT ANTARA FAKULTI

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menjadi johan pertandingan dikir barat antara fakulti bagi tahun 2012 yang berlangsung di Pusat Persatuan Pelajar (PPP) kampus induk Durian Tunggal. Pertandingan anjuran Kelab Dikir Barat Seri Kejora UTeM bersama Unit Kebudayaan dan Warisan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) disertai oleh 5 buah fakulti.





Pasukan FKM berjaya merangkul wang tunai sebanyak lima ratus ringgit beserta trofi dan pingat. Pasukan ini juga turut memenangi trofi tukang karut dan juara terbaik. Naib Johan disandang oleh Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) yang memenangi hadiah wang tunai tiga ratus ringgit beserta pingat manakala Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousawanan (FPTT) pula menadapat tempat ketiga dengan membawa wang tunai sebanyak dua ratus ringgit beserta pingat.

# UTeM ADAKAN PERLAWANAN BOLASEPAK
## bersama pasukan singapura

UTeM telah menerima kunjungan pasukan bolasepak H-Two-O Singapura yang mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan bolasepak campuran kakitangan dan pelajar UTeM di Stadium UTeM.

Pasukan H-Two-O ini adalah dalam rangka lawatan ke Malaysia dalam mengadakan beberapa perlawanan persahabatan di Kuala Lumpur dan Melaka. UTeM adalah merupakan destinasi terakhir dalam rangka lawatan mereka. Pasukan ini telah dibimbing oleh bekas pemain kebangsaan Singapura Fandi Ahmad menampilkan pemain berbakat pasukan berkenaan dibawah 23 tahun yang akan bermain di Liga tempatan Singapura.

Manakala pasukan UTeM adalah campuran kakitangan dan pelajar yang dibimbing oleh Sapian Wahid bekas pemain kebangsaan yang kini bertugas di UTeM. Perlawanan ini dimenangi oleh pasukan H-Two-O Singapura dengan jaringan 4 berbalas 3.






UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## KOLEJ UNIVERSITI SEGI
# UNGGULI BOLING TERBUKA UTeM 2012

Kolej Universiti Segi, Kuala Lumpur (KUS) telah mengungguli di kejohanan boling terbuka UTeM 2012 yang diadakan di Melaka International Bowling Centre, Ayer Keroh. KUS yang diperkuatkan oleh dua orang pemain kebangsaan Siti Safiyah Amirah Abd. Rahman dan Mohd. Haziq Sahli memperolehi sebanyak 3488 jatuhan pin telah memenangi wang tunai seribu ringgit, medal dan cenderamata. Turut bersama pasukan KUS ialah Nick Abraham adn Jonathan Chan. Tempat kedua dimenangi oleh Universiti Teknologi MARA dengan jatuhan pin sebanyak 3164 dengan hadiah wang tunai RM700.00 serta medal dan tempat ketiga dimenangi oleh Universiti Multimedia Cyberjaya dengan jatuhan pin sebanyak 3139 dengan hadiah wang tunai sebanyak RM500.00 dan medal Pemain terbaik kejohanan bagi lelaki dimenangi oleh Mohd. Haziq Sahli dari KUS manakala bagi wanita dimenangi oleh Nur Farhah Aliah Bt. Sanusi dari Univesiti Multimedia Cyberjaya. Kejohanan anjuran kelab Rakan 1Malaysia Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Rentak Artis. Com dan Kelab Bowling UTeM disertai oleh 136 peserta dari 34 pasukan IPT dari dalam dan luar Melaka.



# FTMK *Johan* KESELURUHAN KEJOHANAN OLAHRAGA UTeM 2012

Pasukan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menjadi johan keseluruhan kategori pelajar bagi kejohanan sukan olahraga tahunan yang telah berlangsung di kompleks sukan UTeM. Pasukan FTMK telah memenangi 10 emas 10 perak dan 4 gangsa. Antara pingat emas yang dimenangi ialah acara lompat jauh, lempar cakera, 1500 meter, 400 meter, 800 meter dan 4x400 meter bagi acara lelaki serta 200 meter. 1500 meter, 800meter, 4x100 meter dan 4x400meter wanita. Naib Johan keseluruhan pula disandang oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dengan memenangi 7 emas, 3 perak dan 4 gangsa, manakala tempat ketiga dimenangi oleh pasukan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dengan memenangi 3 emas, 7 perak dan 5 gangsa.





UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

# UTeM JOHAN KESELURUHAN
## KARNIVAL SUKAN IPT NEGERI MELAKA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menjadi johan keseluruhan Karnival Sukan IPT Negeri Melaka yang diadakan pada Kompleks Sukan UTeM baru-baru ini.

Pasukan UTeM yang menyertai semua 21 acara pertandingan mendapat 7 emas, 4 perak dan 3 gangsa. Acara emas dimenangi dalam acara bolatampar wanita, sepakraga bulatan, sepakraga antara regu, tenis campuran, karom terbuka, dart terbuka dan koir. Manakala perak dimenangi dalam acara badminton campuran, ping pong campuran, catur campuran dan trail running. Tempat kedua pula dimenangi oleh Universiti Multimedia dengan mendapat 4 emas, 2 perak dan 3 gangsa. Tempat ketiga pula dimenangi oleh Politeknik Merlimau dengan 3 emas dan 1 perak. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Datuk Gan Tian Loo Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Belia dan Sukan bagi mewakili Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd. Ali Rustam. Turut hadir Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM bagi mewakili Naib Canselor UTeM serta ketua-ketua IPT Negeri Melaka.





# SUKUM KE 36:
## MENGERATKAN JALINAN KERJASAMA STAF ANTARA UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA.

Sukan Staf Antara Universiti-Universiti Malaysia atau SUKUM kali ke 36 telah menguji UTeM sebagai tuan rumah pertama di kalangan universiti-universiti MTUN. Malah SUKUM juga telah diadakan buah pertama kali di negrei Melaka dengan menghimpunkan seramai 6860 orang atlet dan pegawai yang berlangsung selama seminggu dari 8 hingga 17 Julai 2011.

Kesungguhan dan kegigihan UTeM selaku tuan rumah telah dibuktikan dari tahun sebelumnya iaitu dengan beberapa siri lawatan ke USM untuk belajar dan mendalami selok-belok pengelolaan acara sukan yang terbesar antara staf universiti  Malaysia ini. Persediaan yang rapi dari segi pemudahan gelanggang, penginapan dan pemakanan para tetamu dari setiap universiti telah diberi perhatian yang serius.

Sebanyak 20 acara telah dipertandingkan di SUKUM ke 36 dengan membabitkan staf dari pelbagai peringkat, lelaki dan wanita yang bertanding di dalam kategori senior, vateran dan staf jemputan.

Universiti Malaysia Perlis ( UniMap) telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan dengan merangkul sebanyak 6 emas, 1 pera dan 4 gangsa. Manakala UTeM menduduki tangga ke 4 pungutan pingat secara keseluruhan dengan 2 emas, 3 perak dan 2 gangsa. Ini merupakan kedudukan pungutan pingat keseluruhan terbaik UTeM sepanjang penglibatan di dalam kejohanan SUKUM.

Pelbagai peristiwa suka-duka sepanjang kejohanan sempat dirakam oleh lensa wartawan bertugas yang menghiasi detik sejarah yang julung kali diadakan di UTeM ini. Menjadi adat yang menang menyambut dengan keriangan manakala yang kalah menerima dengan hati terbuka. Namun disebalik itu apa yang penting di dalam kejohanan ini adalah ianya adalah medan untuk staf antara universiti mengenali antara satu sama lain, memperkukuhkan ikatan kerjasama dan mengeratkan keakraban yang sedia terjalin. Sebagai staf di dalam kelompok universiti di Malaysia ini tugas utama adalah menjadi tiang penyokong ke arah kemajuan negara dan SUKUM adalah platform untuk staf universiti melahirkan sokongan mereka ke arah tersebut.

Sehingga berjumpa di SUKUM ke 37 di Universiti Utara Malaysia.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
















# *Majlis* ANUGERAH SUKAN 2010






Penganjuran "Majlis Anugerah Sukan UTeM 2010" adalah bertujuan untuk memberikan pengiktirafan dan juga penghargaan kepada staf dan pelajar UTeM yang telah bergiat aktif dalam sukan di mana mereka telah banyak memberikan sumbangan serta menaikkan nama universiti sama ada di peringkat Kebangsaan mahupun Antarabangsa. Dengan penganjuran majlis seumpama ini, UTeM secara tidak langsung dapat memberikan rangsangan dan semangat kepada pelajar dan juga staf agar berusaha lebih gigih lagi dalam bidang sukan dan ini selaras dengan matlamat untuk memartabatkan sukan di UTeM.

Majlis yang gilang-gemilang ini telah diadakan pada 22 November 2011 dan telah dihadiri oleh seramai 300 oran tetamu. Sebanyak 14 jenis anugerah telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Prof. Datuk Ahmad Yusoff bin Hassan, naib Canselor UTeM membabitkan penerima dikalangan pelajar dan staf yang telah membuktikan kecemerlangan masing-masing di dalam kategori-kategori sukan yang telah dicebur. Olahragawan bagi pelajar lelaki disandang oleh Mohd. Aiman b Husin dari sukan badminton, olahragawati pelajar dimenangi oleh Nurul Afiqah Ibrahim dari sukan Teakwando. Manakala olahragawan staf dimenangi oleh Amiruddin Jamaludin bagi sukan lumba basikal, olahragawati staf dimenangi oleh Mariati Yem dari sukan boling padang.

## SEKITAR PENDAFTARAN PELAJAR BARU (IJAZAH) DAN MINGGU HALUAN SISWA 2011








# *Pesta* KONVOKESYEN UTeM KE 6













UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاک
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## Kelab Rakan 1Malaysia UTeM Anjur Kejohanan

## pembangunan sahsiah pelajar

## 技術大學"恒薪"推介

## Pelajar UTeM Erat Jalinan Antarabangsa Bersama Universiti Thailand

## 5,000 Mahasiswa Banjiri Kompleks Sukan UTeM

## Program Kesedaran Kesihatan

## Spring Festival Ke-6 UTeM Pamer Budaya Klasik Cina

## Kem Kembara Iman bentuk jati diri siswa

## Melawat universiti tertua di Selatan Thailand

## Siswasave tawar harga berpatutan

## Erat Silaturrahim Warga Pelajar 2 Universiti

## Pupuk Kesedaran Banteras Rasuah

## Ragbi UTeM Pamer Aksi Kejohanan MASUM Siri 1

## Terap nilai keselamatan di kalangan siswa

MELAKA 21 Feb. - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerusi Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), terus menitikberatkan aspek keselamatan dalam penjagaan harta benda di kalangan mahasiswanya dengan menganjurkan Taklimat Keselamatan, Disiplin, Peraturan dan Tatatertib.

Majlis yang berlangsung di Kolej Kediaman Emerald (KKE), Bukit Beruang di sini disertai oleh lebih 200 peserta termasuk pelajar dan kakitangan universiti itu.

Pengetua KKE, Kamarul Amir Mohamed berkata, taklimat itu diadakan bagi memberi maklumat terkini tentang keselamatan harta benda pelajar serta penerangan berkaitan implikasi pelanggaran disiplin.

"Ini adalah langkah-langkah bagi mengelakkan kes kecurian melibatkan harta benda pelajar di asrama terutama kehilangan komputer riba, telefon bimbit dan barangan peribadi lain," katanya baru-baru ini.

Turut hadir pada sesi taklimat itu ialah Penolong Pendaftar Unit Integriti & Sahsiah Pelajar dan Badan Beruniform, Razali Abdol Jalil serta Penolong Pendaftar, Unit Aktiviti Pelajar, Mohd Yaszli Mohamed Rabis

## Kolej Baru Untuk 5,000 Pelajar Dijangka Siap 2015- Dr. Ahmad Yusoff

## Pejabat HEPA UTeM Terus Prihatin

## Nilai Keusahawanan Pelajar

## Mampu Menampung 1,018 Pelajar Kolej Kediaman UTeM Dijangka Operasi Sept.

## UTeM Buka Tirai Kejohanan Sukan Antara Jabatan 2012

## UTeM Muncul Naib Juara

## Terap Penghayatan Islam Pada Staf

## penuntut UTeM

APPROVED

KERATAN AKHBAR



PERPUSTAKAAN

## MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
## SESI 2010/2011

Yang Dipertua
013-6936893
Ahmad Saufi Bin Ahmad Jawahir

Timbalan Yang Dipertua
013-9204515
Nur Sufiah Akmala Binti Ramdan

Nurul Hafiza Binti Izahar
017-5234164
Setiausaha

Noor Shazwani Najwa Binti Drahim
019-4498107
Bendahari

Tayalan A/L Manoharan
013-6286591
Exco Perhubungan Antarabangsa & Korporat

Nursyuhada Binti Azman
013-9560630
Exco Pembangunan Sahsiah & Kepimpinan

Muhammad Aizat Bin Mustak
012-6625110
Exco Penerbitan & Publisit

Muhammad Azfar Bin Marizan
012-9367569

Nurul Salehah Binti Abdul Wahab

Exco Kebajikan Pelajar

Thevabalan A/L Sellappans
019-2403484

Amirul Siddiq Bin A
017-6921030

Exco Sukan & Rekreasi

# Siswa UTeM bangunkan bisnes cenderahati

# Pelajar UTeM Erat Jalinan Antarabangsa Bersama Universiti Thailand

Kor Sukarelawan Polis Siswa UTeM didedah penggunaan senjata

# Siswa jalani latihan menembak

Warga UTeM digalak sumbang idea pembangunan

Karnival Sukan IPT Melaka

# UTeM Johan Keseluruhan

# UTeM Terus Terima Lawatan Pelbagai Institusi Dan Agensi